

09 MAR 1997

Mahathir - Rai

DR MAHATHIR RAI MANDELA MAKAN MALAM

LANGKAWI, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad malam ini meraikan Presiden Nelsen Mandela dari Afrika Selatan di satu majlis makan malam tidak rasmi di Andaman Resort, Teluk Datai di sini.

Turut hadir dalam majlis itu yang diadakan sebelum Mandela berangkat pulang esok ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Datin Paduka Marina Mahathir, teman wanita Mandela, Gracha Machel dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid.

Mandela tiba di sini semalam untuk berehat selama dua hari sebagai sebahagian dari lawatan lima harinya ke negeri ini.

Sebelum itu kedua-dua pemimpin menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Pemuda Umno dan Liga Pemuda Kongres Kebangsaan Afrika (ANC).

MoU itu ialah sebagai merasmikan kerjasama antara kedua-dua sayap pemuda dalam empat bidang utama -- pendidikan, kebudayaan, sukan dan ekonomi.

Pada upacara itu Pemuda Umno diwakili oleh ketuanya, Datuk Zahid Hamidi dan bendaharinya, Mokhzani Mahathir manakala Pemuda ANC di wakili oleh presidennya Malusi Gigaba dan setiausaha agungnya Penny Mojadina.

Berucap pada upacara itu, Zahid berkata kerjasama itu adalah hasil idea Presiden Umno, Dr Mahathir.

Katanya buat permulaan, Pemuda Umno akan menyumbangkan AS\$250,000 (kira-kira RM500,000) bagi mengadakan latihan formal dan tidak formal di Malaysia untuk 50 anggota Pemuda ANC dalam bidang pendidikan.

Sementara itu, Gigaba berkata beliau berharap MoU itu bukan sahaja akan mempertingkatkan hubungan antara kedua-dua badan politik itu tetapi juga antara rakyat kedua-dua negara.

Katanya Pemuda ANC dan Pemuda Umno akan mengadakan mesyuarat tahunan bagi menilai kemajuan kerjasama itu dan membuat program-program baru.

Menurutnya MoU itu ialah yang kedua dibuat oleh Pemuda ANC dengan pertubuhan politik asing. Yang pertama ialah dengan badan politik sebuah negara Afrika yang lain. -- BERNAMA

MFJ WAT